

Dr. Mahathir:
Saya tidak
akan pegang
jawatan PM
seumur hidup

UM 2 - MAY 2002
KUALA LUMPUR 1 Mei —
Datuk Seri Dr. Mahathir Mo-
hamad berkata, beliau tidak
akan memegang jawatan
Perdana Menteri seumur hi-
dup, sebaliknya akan berun-
dur apabila tiba masanya ke-
lak.

Menurut Perdana Menteri,
beliau percaya ada ketikanya
seseorang itu perlu diberi pe-
luang untuk berehat selepas
memikul sesuatu jawatan.

Kata Perdana Menteri, be-
gitu juga dengan dirinya
yang perlu diberi peluang
berbuat demikian.

“Kadang-kadang kita mes-
ti beri peluang kepada siapa
pun termasuk saya untuk be-
rehat sikit dan beribadat.

“Saya fikir ada masanya
siapa juga akan berundur
dan tidak ada kiamatnya du-
nia ini kalau orang ini (peme-
gang sesuatu jawatan) tidak
ada,” katanya semasa berdia-
log sempena Majlis Perhim-
punan Hari Pekerja 2002
Bagi Anggota Sektor Awam
di Institut Tadbiran Awam
Negara (Intan), Bukit Kiara
di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas
permintaan seorang kakita-
ngan kerajaan supaya beliau
terus menerajui kerajaan se-
lagi terdaya.

Perdana Menteri berkata,
realitinya tidak mudah bagi
beliau menjalankan tugas se-
bagai wakil rakyat (Ahli Par-
limen) Kubang Pasu, Kedah.

Menurutnya, semasa per-
khidmatannya itu, beliau
cuba melayani kehendak
orang kampung yang pelba-
gai ragam.

“Tak ada jalan tar, kita
adakan dan begitu juga lam-
pu jalan, kita sediakan. Ke-
mudian bila air tidak sampai
ke rumah, kita adakan juga,
tetapi bila dah sampai, kata
air tak jernih pula.

“Macam nilah... bila hujan
lebat, ada kata lebat sangat,
tetapi bila tak hujan, kata
macam-macam.

“Kita tidak boleh habis ma-
salah kita, tetapi saya harap
tidak ada kepercayaan saya
jadi Perdana Menteri seumur
hidup,” katanya.